

ترنسفورماسي كأره
قرخدمتن عوام يث قروكريسيف

**TRANSFORMASI KE ARAH
PERKHIDMATAN AWAM
YANG PROGRESIF**



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of
the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands),
Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross
(Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine),
DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.**

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

Petikan Titah Mengenai Perkhidmatan Awam

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-23, TAHUN 2016

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Pada hari Khamis, 19 Muharram 1438 bersamaan 20 Oktober 2016.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat sama-sama berkumpul pada pagi ini di Majlis Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23 bagi Tahun 2016.

Kita sudah selalu mendengar ungkapan, bahawa Perkhidmatan Awam adalah teras utama untuk kemajuan sesebuah negara. Warga Perkhidmatan Awam adalah pengurus, pemudah cara dan malah agen kepada perubahan.

Kerana itu, warga Perkhidmatan Awam perlu memiliki disiplin yang tinggi dan kesungguhan dalam memainkan peranan masing-masing.

Mereka perlu meningkatkan diri dengan mengenali *baseline* masing-masing, setakat mana minda, sikap dan kemampuan mereka dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti untuk negara dan pelanggan.

Negara adalah benar-benar berhajat kepada khidmat para penjawat awam. Melalui perkhidmatan merekalah akan dapat ditingkatkan produktiviti dan penghasilan negara.

Kerana itu alhamdulillah, kita sekarang sedang giat menggunakan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *delivery approach*. Dan semua ini, adalah berpaksaan kepada amalan-amalan terbaik.

Di samping itu, kita juga menggunakan penanda-aras atau *benchmarking*, seperti kedudukan negara di mata antarabangsa dalam *World Bank Ranking on Ease of Doing Business*. Dan baru-baru ini, kita telah menyertai *World Competitiveness Index* yang dikendalikan oleh *World Economic Forum*.

Beta penuh yakin, dengan usaha bersepadu semua kementerian, yang dilengkapi dengan strategi-strategi yang berasaskan, kita in shaa Allah akan dapat menjayakan pelaksanaan Wawasan 2035.

Mengenai tranformasi Perkhidmatan Awam, Beta mengalu-alukan tema Hari Perkhidmatan Awam pada kali ini yang berbunyi : ‘Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif’. Tema ini memberi penekanan, betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk sentiasa proaktif dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan serta lebih prihatin terhadap keperluan masyarakat dan para pelabur. Di samping itu, tema ini juga memberikan fokus kepada penilaian yang berkesan melalui *health check* terhadap keupayaan Warga Perkhidmatan Awam dalam menangani setiap cabaran semasa.

Memandangkan tema ini bersifat dinamik dan relevan untuk diguna pakai dalam beberapa tahun, maka Beta ingin melihat momentum dan langkah-langkah pembaharuan terus dipertingkatkan.

Selaras dengan strategi Wawasan 2035, Beta mengalu-alukan usaha Jabatan Perdana Menteri dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam Tahun 2016 hingga 2020. Beta mengharapkan rangka kerja ini dapat memacu Perkhidmatan Awam di tahap yang lebih hebat dan progresif.

Satu lagi inisiatif pembaharuan Perkhidmatan Awam ialah usaha meminda Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang dikenali sebagai *General Order* yang telah digunakan sejak tahun 1961.

Pindaan ini akan memberikan nafas baru kepada Perkhidmatan Awam agar lebih lengkap dan terkini, khususnya dalam melahirkan modal insan yang cekap dan berdisiplin.

Untuk akhirnya kepada penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan Pemenang-Pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam, Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Beta yakin anugerah ini akan memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua Warga Perkhidmatan Awam untuk bekerja lebih keras lagi bagi mencapai tahap kecemerlangan Perkhidmatan Awam. Beta juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan peribadi Beta kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa dalam perkhidmatan dengan Kerajaan. Semoga Allah jua akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.


KANDUNGAN

Sekapur Sirih	12
Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21	14
Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam	16
Ikrar Perkhidmatan Awam	19
Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA)	21
Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) Tahun 2017	25
Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)	38
Kumpulan-Kumpulan Yang Menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Kali Ke-20, Tahun 2017	40
Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-23, Tahun 2016	61
Acara Keagamaan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 2017	67
Perangkaan Perkhidmatan Awam	71
Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 2017	76
Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 2017	80

The image features a dark blue background with a complex pattern of light blue hexagons and circuit-like lines. In the center, a large, multi-layered hexagon is composed of various colored segments (yellow, green, blue, pink, orange) arranged in a circular, flower-like pattern. A white hexagonal border frames the central area.

SEKAPUR SIRIH

SEKAPUR SIRIH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita sama-sama dapat meraikan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24.

“Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif”, iaitu tema bagi sambutan tahun ini, menekankan kepentingan perkhidmatan awam dalam terus berusaha untuk menyediakan eko-sistem dan persekitaran yang terbaik bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Perkhidmatan awam yang progresif adalah merupakan perkhidmatan awam yang produktif, inovatif dan dinamik. Transformasi membawa erti perubahan positif ke arah pendekatan yang lebih responsif dan lebih prihatin terhadap keperluan masyarakat. Ianya juga termasuk perubahan cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan bagi merealisasikan wawasan negara. Dengan tema ini, seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan memainkan peranan sebagai agen pemangkin bagi mencapai matlamat tersebut. Kini, tumpuan perlulah diberikan kepada meningkatkan kualiti dan menjadikan tahap kecemerlangan sebagai satu norma kelaziman.

Dengan itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam yang mana telah berkuatkuasa pada 1 Oktober 2017. Melalui penggunaan Petunjuk Utama Prestasi atau “Key Performance Indicators” (KPI), kaedah ini akan dapat membantu menanai minda yang lebih kompetitif dan seterusnya meningkatkan lagi produktiviti perkhidmatan awam.

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam pada tahun ini akan memberi tumpuan kepada penerapan nilai-nilai rukun akhlak dan etika kerja perkhidmatan awam yang berasaskan nilai-nilai keislaman. Di bawah RKPA, beberapa strategi telahpun disusun

khusus untuk mengukuhkan penghayatan nilai-nilai murni tersebut kepada seluruh penjawat awam dalam memastikan perkhidmatan awam yang unggul, berwibawa dan sentiasa bergerak menuju ke hadapan.

Sambutan tahun ini juga akan memuatkan penganugerahan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA). KKC bertujuan untuk mengekalkan kecemerlangan di perkhidmatan awam dalam menghasilkan cadangan-cadangan yang inovatif dan berpotensi untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Manakala, matlamat Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) adalah untuk memberikan dorongan kepada penerima dan seluruh penjawat awam yang lain untuk menghasilkan nilai kerja yang bermutu tinggi bagi penaiktarafan kualiti perkhidmatan awam.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada warga perkhidmatan awam yang telah bersara pada tahun ini di atas jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga kerjasama dan sumbangan ikhlas yang diberikan akan mendapat ganjaran pahala serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Akhirnya, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24 Tahun 2017, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam ini. Tanpa bantuan dan dokongan padu semua pihak, kejayaannya bukan mudah untuk dicapai.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD]

Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi

Sambutan Hari Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam Kali Ke-24, Tahun 2017

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21



**“Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam
yang sentiasa membangun dan berusaha
dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam
dalam persekitaran yang sihat dan selamat
di bawah inayah dan petunjuk
Allah Subhanahu Wata’ala”**

**HURAIAN TEMA
HARI PERKHIDMATAN AWAM**

TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF

Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sedang berada di zaman yang serba mencabar dan mengalami pelbagai perubahan. Cabaran dan perubahan ini sebahagian besarnya berkait rapat dengan *survival* bangsa dan negara di masa hadapan yang dibawa oleh arus globalisasi yang mengakibatkan isu sosio-ekonomi, bukan sahaja dihadapi oleh sesebuah Negara, bahkan juga telah menjadi satu isu global. Ini adalah memandangkan pergantungan di antara negara-negara adalah satu realiti dan agenda utama, bukan sahaja dari segi perdagangan dan perhubungan, bahkan juga dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Tema ini memberi penekanan terhadap kepentingan Perkhidmatan Awam yang berdaya maju dalam terus berusaha untuk menyediakan eko-sistem dan persekitaran yang terbaik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Transformasi membawa erti responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada keperluan masyarakat. Ianya juga termasuk transformasi cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan bagi merealisasikan wawasan negara.

Untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, warga Perkhidmatan Awam perlulah bersedia untuk mengubah cara berfikir daripada cara lama yang boleh mengongkang kemajuan, kepada cara yang positif dan konstruktif selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang. Oleh yang demikian, warga Perkhidmatan Awam haruslah berfikir secara proaktif, di samping bersikap adaptif dan responsif terhadap perubahan persekitaran serta mampu berhadapan dengan realiti.

Dalam era perubahan yang pantas, warga Perkhidmatan Awam hendaklah memiliki "*attitude of mind*" yang kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran-cabaran pentadbiran awam di alaf yang baru ini. Dengan mempunyai keupayaan seperti ini, warga Perkhidmatan Awam akan dilengkapi dengan daya fikir yang tinggi serta mempunyai kemahuan dan keberanian dalam membuat perubahan.

Justeru adalah perlu bagi agensi Perkhidmatan Awam itu untuk sentiasa mementingkan budaya kerja yang dinamik, kreatif dan progresif serta berkomitmen tinggi dalam melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan yang berterusan. Hal ini amat penting dan juga ditekankan dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 supaya Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan maju mengikut

kemampuan serta keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran dan akidah Islam yang diarahkan Allah Subhanahu Wata'ala jua, dalam keadaan dan suasana yang aman, makmur, tenteram di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Dalam hal ini, Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 juga menghendaki setiap agensi Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam supaya sentiasa melaksanakan transformasi dan penambahbaikan yang progresif ke atas tiga (3) fokus utama iaitu struktur organisasi, dasar dan perlakuan organisasi.

Matlamat mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang hanya boleh dicapai menerusi transformasi minda dan sikap yang positif dan murni yang akan bertindak sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan dan keberkesanan perkhidmatan. Pembaharuan-pembaharuan dari aspek struktur organisasi, peralatan pejabat, sistem prosedur kerja, teknologi komputer dan sebagainya tidak akan memberikan kesan atau impak yang signifikan tanpa diiringi dengan kesedaran dan transformasi minda dan sikap positif serta komitmen yang tinggi terhadap keperluan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan.

**IKRAR
PERKHIDMATAN AWAM**

IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kami, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini berikrar :

- ◆ Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ◆ Memelihara dan mengamalkan dengan teguh prinsip-prinsip “Hablun MinAllah” iaitu hubungan dengan Allah dan “Hablun Min An-Nas” iaitu hubungan dengan manusia.
- ◆ Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan, undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur, ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab. Sentiasa memelihara dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan keboleharapan Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap pro-aktif, iltizam, inovatif, pemeduliaan, cekap, telus, titih, lutan, bertatertib dan berakhlak mulia.
- ◆ Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja, mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.
- ◆ Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa, Kerajaan dan negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan, keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.

**ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
(APCPA)**

PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja Pegawai / Kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai / Kakitangan yang lain.

OBJEKTIF

- ◆ Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian / Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.
- ◆ Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara formal kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada Pegawai / Kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.
- ◆ Untuk memberikan pengiktirafan kepada Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- ◆ Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan Pegawai / Kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.
- ◆ Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan Pegawai / Kakitangan Kementerian / Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.
- ◆ Untuk mewujudkan nilai tambah (*value-added*) kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tindakan tatatertib.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai segi, iaitu :

Kepimpinan	Kebertanggungjawaban (akauntabiliti), berintegriti dan berkeupayaan membimbing dan memimpin pegawai bawahan sebagai satu pasukan yang mantap
Inisiatif	Idea-idea yang dapat menghasilkan, menjimatkan dan meningkatkan produktiviti dan efisiensi bagi mencapai misi dan visi organisasi berkenaan
Impak	Berkesan dalaman dan luaran organisasi
Inovatif	Hasil dan faedah yang dicapai melalui pemakaian idea-idea baru dalam melaksanakan sesebuah projek atau program
Penggunaan tenaga manusia yang optima	Penggunaan sumber manusia secara efisien atau efektif
Produktiviti	Perbandingan di antara nisbah <i>input</i> dan <i>output</i> bagi sesuatu perkhidmatan melalui penggunaan sumber kewangan dan gabungannya dengan sumber-sumber lain
Peningkatan kualiti, produktiviti dan prestasi kerja / organisasi	Peningkatan atau pencapaian misi dan sasaran Jabatan yang ditentukan dan ditetapkan oleh KPI Kementerian masing-masing
Kualiti perkhidmatan	Keberkesanan sesuatu projek / program dalam meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan dengan cepat, tepat dan memuaskan pihak yang berkepentingan
Peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan	Pencapaian kegunaan dan usaha ke arah penggunaan sumber-sumber secara optima
Penjimatan kewangan	Keberkesanan sesuatu projek / program dalam menjimatkan perbelanjaan Kementerian / Jabatan
Penjimatan masa	Masa yang dapat dikurangkan dalam proses memberikan sesuatu perkhidmatan

Sistem-sistem baru	Rangka kerja yang digunakan sebagai landasan untuk menjalankan aktiviti kerja
<i>Business Process Re-engineering</i>	Pembaikan yang mengambilkira penggunaan ICT, memperbaiki proses kerja, pengurusan dan penggunaan data dan maklumat
Kerja Kemasyarakatan (<i>Community Work</i>)	Penglibatan secara sukarela di luar dari tugas rasmi yang memberikan manfaat dan faedah kepada organisasi atau orang ramai

KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tindakan tatatertib.

Ciri-ciri Utama dan Ciri Tambahan yang dinilai adalah seperti berikut :

Ciri Utama	Personaliti	Kejujuran, kebolehppercayaan, amanah, semangat berpasukan
	Dedikasi	Terhadap tugas, bersedia bekerja lebih tanpa mengira masa
	Realibiliti	Dipercayai dan komited
	Disiplin	Taat dan patuh pada arahan dan peraturan
	Akauntabiliti	Bertanggungjawab dan berintegriti
Ciri Tambahan	Bakat	Sumbangan kepada organisasi / penonjolan yang luar biasa
	Ketrampilan	Cara melayan pelanggan, keramahan
	Kreativiti	Inovasi / kualiti / kuantiti / kos efektif / pembaharuan / pembaikan

**PENERIMA-PENERIMA
ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG
PERKHIDMATAN AWAM
(APCPA) TAHUN 2017**

JABATAN PERDANA MENTERI



Dayangku Azlina binti Pengiran Haji Aji
Bahagian II
Pegawai Pentadbir Tingkat Khas
Jabatan Perkhidmatan Awam



Dayang Hajah Saadiah binti Haji Ahmad
Bahagian III
Penjadual
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan



Awang Amir bin Menuddin
Bahagian IV
Pengendali Mesin Cetak Offset Tingkat I
Jabatan Percetakan Kerajaan



Awang Md Nawi bin Haji Md Yusof
Bahagian V
Penjilid Tingkat IV (*Open Vote*)
Jabatan Percetakan Kerajaan

KEMENTERIAN PERTAHANAN



Dayang Noorhazwani binti Haji Ariffin
Bahagian II
Pegawai Kajiselidik
Pejabat Urusetia, Setiausaha Tetap



Awang Muhamad Azmi bin Haji Jais
Bahagian III
Pengawas Buruh
Pejabat Pentadbiran Awam, Berakas



Dayang Hajah Rosnah binti Haji Sidis
Bahagian IV
Kerani
Pejabat Kewangan,
Jabatanarah Keanggotaan



Dayang Rosmahayati binti Haji Hamid
Bahagian V
Tukang Masak
(Diperbantukan Pembantu Kerani)
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia

KEMENTERIAN KEWANGAN



Pengiran Hajah Norinsan binti Pengiran Anak Haji Mashor
Bahagian II
Pegawai Kewangan
Jabatan Perbendaharaan



Dayang Masni binti Haji Tuah
Bahagian IV
Kerani Kewangan
Jabatan Perbendaharaan



Awang Sitedi bin Haji Amlee
@ Sulaiman bin Haji Amlee
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN



Awang Garry Ramlee bin Haji Ibrahim
Bahagian II
Setiausaha Pertama
Jabatan ASEAN



Awang Asbi bin Ahad
Bahagian III
Setiausaha Ketiga
Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular



**Awang Haji Abdul Rashid bin
Haji Abdul Raneer**
Bahagian IV
Penolong Pegawai Keselamatan
Jabatan Keselamatan



Dayang Aini binti Haji Ibrahim
Bahagian V
Penyambut Tetamu / Operator Telefon
Jabatan Pentadbiran

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



Awang Raheme bin Haji Ramle

Bahagian II

Penolong Pengarah Imigresen

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



Dayang Faridah Norhayati binti Ta'ai

Bahagian IV

Kerani

Jabatan Bandaran Tutong



Dayang Masliana binti Haji Mashor

Bahagian V

Koperal Wadar 278

Jabatan Penjara

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Awang Md. Ali bin Haji Tamin
Bahagian II
Pegawai Pelajaran Kanan (Teknikal)
BDTVEC Secretariat



Dayang Aminah binti Haji Othman
Bahagian IV
Pembantu Teknik
IBTE Kampus Jefri Bolkiah

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



Dayang Hajah Siti Rahmah binti Haji Julaihi
Bahagian II
Pegawai Perkembangan Ugama
Pusat Da'wah Islamiah



Dayang Normastiniana binti Haji Metusin
Bahagian III
Penolong Pegawai Ugama
Jabatan Hal Ehwal Masjid



Awang Haji Zul-Hilmi bin Haji Lakat
Bahagian IV
Pembantu Perkembangan Ugama
Pusat Da'wah Islamiah



Tengku Haji Ismail bin Tengku Haji Hassan
Bahagian V
Pemandu Tingkat II
Institut Tahfiz Al-Quran
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



Dayang Hajah Suma binti Haji Basman
Bahagian III
Penyelia Pejabat
Jabatan Kerja Raya



Dayang Norjijah binti Haji Ismail
Bahagian IV
Kerani
Jabatan Ukur



Awang Zaini bin Ajak/Lajak
Bahagian V
Atendan Jentera Tingkat II
Jabatan Kerja Raya

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



Dayang Salinah binti Haji Mohd Salleh
Bahagian II
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Jabatan Kemajuan Pelancongan



Pengiran Muhd Asdi bin Pengiran Md Salleh
Bahagian III
Penolong Pegawai Perikanan
Jabatan Perikanan



Awang Ramli bin Haji Tongkat
Bahagian IV
Pembantu Perhutanan
Jabatan Perhutanan



**Dayang Hajah Norlelah binti
Haji Mohamad Zaidi**
Bahagian V
Pekerja Tingkat II (*Open Vote*) /
Pembantu Kerani
Jabatan Perhutanan

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN



Pengiran Haji Dahlan bin Pengiran Haji Dahari

Bahagian III

Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat II

Jabatan Kajicuaca



**Dayang Hajah Norhadina binti
Abdullah Melayong**

Bahagian IV

Penyelenggara Stor Tingkat III

Jabatan Laut



Dayang Hajah Ainun binti Haji Ibrahim

Bahagian V

Pembantu Kerani (*Open Vote*)

Kementerian Perhubungan

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Dayang Mardiah binti Haji Ramli
Bahagian II
Pegawai Sejarah
Pusat Sejarah Brunei



**Awang Haji Mohammad Noorime bin
Awang Haji Noorkaseh**
Bahagian III
Penolong Pegawai Perkembangan Kebudayaan
Unit Perkembangan dan Sumber Tenaga
Manusia (HRD)



Dayang Hajah Nooraishah binti Haji Osman
Bahagian IV
Pekerja Tingkat II
Pusat Pembangunan Belia



Awang Mohammed Asri bin Haji Noordin
Bahagian V
Attendan Pameran
Pusat Sejarah Brunei

KEMENTERIAN KESIHATAN



Dayang Hajah Kartini binti Haji Suhai
Bahagian II
Pegawai Jururawat
Jabatan Perubatan, Hospital RIPAS



Awang Mohd Noor Hamadillah bin Abdullah
Bahagian IV
Ketua Atendan
Jabatan Perkhidmatan Perubatan



Awang Haji Dahlan bin Haji Kassim
Bahagian V
Mandur
Jabatan Perkhidmatan Perubatan

The background is a dark blue field filled with various geometric patterns. There are several hexagons of different sizes and shades of blue. A prominent feature is a large, multi-colored hexagonal frame in the center, composed of overlapping translucent shapes in shades of green, yellow, pink, and blue. Inside this frame, the text is centered. The overall aesthetic is modern and technological.

**KUMPULAN KERJA CEMERLANG
(KKC)**

RASIONAL KUMPULAN KERJA CEMERLANG

Negara Brunei Darussalam segera mengubah Struktur Organisasi Kerajaan sejak tahun 1984 selepas merdeka. Inisiatif ini merupakan usaha Kerajaan memantapkan jentera pentadbiran Kerajaan melalui Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan agar berfungsi dengan efektif, efisien dan ekonomi. Usaha-usaha ke arah projek Produktiviti dan Kualiti ini mendedahkan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam kepada berbagai-bagai Kaedah Pengurusan yang terkini seperti : QCC/KKC, *Management by Objective (MBO)*, *Performance Improvement Planning (PIP)*, *Performance Appraisals (PA)* serta *Total Quality Management (TQM)* dan banyak lagi.

Konsep-konsep yang didedahkan itu banyak menitikberatkan kepada pentingnya amalan kerja secara berpasukan dan bermesyuarah dalam membuat keputusan. Amalan ini telah dapat dibuktikan oleh sektor Kerajaan negara-negara maju yang lain seperti Malaysia, Jepun, Singapura serta Korea.

Terdapat 3 matlamat utama yang diwujudkan oleh KKC di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 itu :

- Sebagai etika kerja bagi semua warga Perkhidmatan Awam kerana KKC memerlukan para pekerja bekerja sebagai satu pasukan.
- Memperkembangmajukan keupayaan Sumber Tenaga Manusia kerana KKC memerlukan ahli-ahlinya agar boleh berdikari.
- Produktiviti merupakan isu serantau (ASEAN) dan menjadi topik utama di dalam “*Conference on Reform of Civil Service*” diadakan di Singapura pada tahun 1987.

KKC menggalakkan “*teamwork*” dan penglibatan dari semua pihak di dalam organisasi yang mengamalkannya. Penglibatan yang sungguh-sungguh dari pihak atasan akan dapat menjamin kejayaan KKC kerana ia boleh meyakinkan kepada para ahli untuk melibatkan diri dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab. Dengan cara ini ia boleh mewujudkan suatu organisasi yang sentiasa beristiqamah kerana Pengurusan Atasan yang penuh konfiden menurunkan kuasa dan tanggungjawab kepada Pegawai yang bermotivasi tinggi ke arah menghasilkan kerja yang berkualiti tinggi.

**KUMPULAN-KUMPULAN
YANG MENYERTAI
KUMPULAN KERJA CEMERLANG
(KKC) TAHUN 2017**

1. PROJEK : KESUKARAN DALAM PENGENDALIAN MAKLUMAT PERALATAN KOMPUTER

Nama Kumpulan : 3GS
Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan



Ahli-Ahli Kumpulan	
Dayang Nurani binti Haji Ahmad (Fasilitator)	Awang Mohd Zul Fadly bin Haji Abdul Halim (Ketua Kumpulan)
Pengiran Haji Yahya bin Pengiran Haji Metassan	Dayang Masdinah binti Haji Sari
Dayangku Shazwani binti Pengiran Sufri	Awangku Mohd Hijan bin Pengiran Haji Duraman
Awang Muhd Addyzul Muta'affif bin Abdul Warith	Dayang Noorazeedah binti Haji Hamdani

Sinopsis :

Penggunaan teknologi merupakan lambang kemajuan di dalam sesebuah jabatan yang mana penggunaan teknologi juga merupakan keperluan utama di Jabatan Ukur.

Peningkatan dalam penggunaan komputer juga merupakan salah satu faktor utama **Kesukaran Dalam Mengendalikan Maklumat Peralatan Komputer**. Kerja-kerja pengendalian maklumat peralatan komputer di Jabatan Ukur adalah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian GST.

Bahagian GST berusaha untuk memperbaiki bagi meningkatkan perkhidmatan dan pemantauan untuk menangani mencari kaedah tanpa melibatkan kos yang tinggi.

Dalam usaha menangani dan ke arah pembaikan ini, Bahagian GST telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) bagi membincangkan dan mencari solusi yang terbaik untuk memudahkan pengendalian maklumat peralatan komputer di Jabatan Ukur.

Kumpulan KKC diberi nama *“Three Geospatial”* (3GS) ditubuhkan pada 3 Jamadilakhir 1437H bersamaan dengan 12 Mac 2016 dan memilih tajuk projek iaitu *“Kesukaran Dalam Pengendalian Maklumat Peralatan Komputer”*.

2. PROJEK : *ELECTRONIC DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM* (EDMS) KURANG DIMANFAATKAN

Nama Kumpulan : AZA'ITEM
Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri



Ahli-Ahli Kumpulan	
Dayang Habibah binti Salleh (Fasilitator)	Dayang Nurida binti Mohamad Hashim
Dayang Nor Izyan binti Hussin	Dayang Noni binti A. Lazim / A. Lajim
Dayang Rubiana binti Haji Bungsu	Dayang Norlila binti Nordin
Awang Haji Taha bin Haji Asgar	

Sinopsis :

Kumpulan **AZA'ITEM** yang membawa makna PENERAJU ditubuhkan pada 1 Oktober 2016 yang terdiri dari seorang fasilitator, seorang ketua dan lima (5) orang ahli. Projek yang dipilih adalah *Electronic Document Management System* (EDMS) Kurang Dimanfaatkan.

EDMS adalah merupakan salah satu *features* yang terdapat dalam *Departmental Intranet Portal Site* di Jabatan Audit yang disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi kemudahan pengurusan penyimpanan dokumen-dokumen secara *online* serta seterusnya mempercepatkan rujukan dibuat bagi dokumen-dokumen berkenaan.

Antara faedah utama yang dapat dimanfaatkan dari penggunaan EDMS ini ialah ianya boleh membantu kepada pengurusan dokumen yang bersistematik dan teratur. Namun yang demikian, penggunaan EDMS di Jabatan ini adalah masih lagi di tahap yang rendah dan tidak dipraktikkan oleh semua bahagian di Jabatan ini. Penggunaan kertas dan penyimpanan fail yang banyak secara manual masih lagi diamalkan.

Oleh yang demikian, Kumpulan AZA'ITEM berhasrat untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dan langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan EDMS yang maksima oleh semua pegawai dan kakitangan di Jabatan ini. Pasukan berpendapat penggunaan EDMS ini boleh memberi impak yang signifikan dalam membantu mengurangkan penggunaan kertas yang terlalu banyak dan penjimatan kos perbelanjaan Jabatan. Selain dari itu, Pegawai dan kakitangan Jabatan boleh mengakses dokumen yang diperlukan dengan cepat dan mudah.

3. PROJEK : MENINGKATKAN PENGAWALAN PERDAGANGAN MERENTAS BATAS DENGAN PELAKSANAAN PEMANTAUAN BARANGAN TRANSIT YANG EFISYEN

Nama Kumpulan : BIG
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan



Ahli-Ahli Kumpulan	
Dayang Bunga anak Galawing (Fasilitator)	Dayang Hajah Rohana binti Abdullah (Ketua Kumpulan)
Dayang Dewi Kustina binti Haji Yusof (Setiausaha)	Awang Mosliman bin Haji Rosli

Sinopsis :

Projek ini dipilih adalah bagi mengawal dan memantau pergerakan kenderaan dan barangan yang ditransit menuju ke destinasi yang dituju. Ianya bertujuan bagi membentaras apa jua aktiviti yang boleh menyeleweng dan menjejaskan kutipan hasil Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Negara Brunei Darussalam.

Di samping meningkatkan perkhidmatan yang berkesan secara berterusan dengan memberi kemudahan dan panduan kepada pelanggan supaya berasa yakin, memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan transit yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

4. PROJEK : MENCAPAI MISI JABATAN MELALUI PENGURUSAN KES TANGKAPAN YANG BERSISTEMATIK

Nama Kumpulan : G4U
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan



Ahli-Ahli Kumpulan	
Awang Haji Zulkifli bin Mohd Said (Fasilitator)	Awang Haji Mohamad Junaidi bin Haji Ahmad (Ketua Kumpulan)
Awang Kasmi bin Mat Jair / Mohd Jair (Setiausaha I)	Awang Iswandi bin Awang Haji Salim (Setiausaha II)
Awang Muhammad Ihsanuddin bin Haji Ibrahim	Dayang Lina binti Saidin
Awang Airolvin bin Sisir	Dayang Roslinda binti Sulaiman

Sinopsis :

Projek ini dipilih adalah untuk menyelesaikan masalah IP (Fail Kes Kesalahan) untuk didakwa di Mahkamah belum dapat diambil tindakan.

KESALAHAN

1. IP (Fail Kes Kesalahan) tidak lengkap untuk dihadapkan ke mahkamah.
2. Tertuduh tidak mengangkat telefon apabila dihubungi untuk menentukan tarikh perbicaraan.
3. Penjamin memaklumkan tertuduh balik terus ke Negara Asal apabila diarahkan untuk hadir perbicaraan.
4. Nombor telefon tertuduh telah bertukar milik.
5. Tertuduh tidak hadir semasa hari perbicaraan dijalankan.

SEBAB AKIBAT

1. *Soft copy* gambar tidak ada dalam simpanan.
2. *Standard Operating Procedure (SOP)* serah terima kes tangkapan tidak dikemaskini.
3. Senarai semak (*Check list*) tidak digunakan.
4. Dokumen yang tidak lengkap tidak dipantau.

PENYELESAIAN

1. Menggambar balik barang bukti (*exhibit*) untuk diserahkan semasa pendakwaan.
2. Mengemaskini *Standard Operating Prosedure (SOP)* bagi serah-terima kes Kesalahan.
3. Mengisi ruang daftar yang terdapat di dalam IP (Fail Kes Kesalahan) untuk memudahkan penyemakan dokumen.
4. Pegawai Penyiasat dipertanggungjawabkan untuk memantau dokumen yang tidak lengkap.

KESAN KETARA

1. Hanya 06 IP (Fail Kes Kesalahan) belum dapat diambil tindakan.
2. Terhasilnya *Standard Operating Procedure (SOP)* serah-terima kes kesalahan.
3. Pegawai di Unit Siasatan telah menggunakan senarai semak (*check-list*) bagi memudahkan penyemakan dokumen.
4. Minit arahan telah dikeluarkan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di Unit Siasatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam yang mana pegawai yang menyiasat diarahkan untuk memastikan semua dokumen lengkap sebelum diserahkan kepada Unit Pendakwaan.
5. Barang bukti (*exhibit*) bagi IP (Fail Kes Kesalahan) yang belum ada gambar telah digambar semula untuk diserahkan semasa perbicaraan.

KESAN TIDAK KETARA

1. Tertuduh tidak lagi berprasangka *negative* terhadap pegawai.
2. Serah-terima Kes tangkapan teratur dan berkesan.
3. Pegawai senang menjalankan tugas seharian dengan terhasilnya *Standard Operating Procedure (SOP)* serah-terima kes kesalahan.
4. Prestasi dan kualiti kerja pegawai meningkat.
5. Imej Jabatan meningkat.

**5. PROJEK : MENINGKATNYA KEBAKARAN GAMBUT PADA MUSIM CUACA PANAS
DI KAWASAN MUKIM SERIA**

**Nama Kumpulan : LIFESAVER 995
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**



Ahli-Ahli Kumpulan	
Awang Muhamad Ali bin Hassan (Fasilitator)	Awang Kamalzurzman bin Musa (Ketua Kumpulan)
Awang Muhamad Haslin bin Baharudin (Timbalan Ketua Kumpulan)	Awang Abdul Khalik bin Mohd Yasin (Setiausaha)
Awang Abdul Muiz bin Haji Hamdan	

Sinopsis :

Kumpulan '**LIFESAVER 995**' ditubuhkan pada 24 Zulkaedah 1433H bersamaan 10 Oktober 2012M dengan keramaian 5 Orang Ahli bertugas di Balai Bomba Setia Cawangan Operasi 'B' Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Projek ini dipilih kerana pentingnya keselamatan orang ramai memandangkan meningkatnya kebakaran gambut pada musim cuaca panas di Mukim Seria, adalah perlu bagi masyarakat umum diberikan pengetahuan dalam aspek keselamatan nyawa di samping adanya kerjasama dan penglibatan sama semua pihak yang berkaitan untuk mengetahui bahaya risiko akibat berlakunya kebakaran gambut yang mengakibatkan asap tebal berjerebu dan menjejaskan kesihatan alam persekitaran serta jarak penglihatan sehingga mengakibatkan berlakunya kemalangan di jalan raya di samping penggunaan peruntukan kewangan yang besar untuk operasi memadam kebakaran gambut.

Ke arah ini kumpulan 'Lifesaver 995' mengambil inisiatif untuk memberikan pengetahuan di samping mengurangkan kejadian kebakaran gambut yang berlaku setiap musim cuaca panas di Mukim Seria bagi memastikan keselamatan nyawa terjamin dengan alam persekitaran udara yang bersih, sihat lagi terjamin di samping dapat menjimatkan peruntukan kewangan yang digunakan semasa operasi.

6. PROJEK : PROSES PENERBITAN RANCANGAN RADIO BERPENONTON TIDAK MENEPATI SASARAN

Nama Kumpulan : MIC ON
Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri



Ahli-Ahli Kumpulan	
